

05/04/2001

Tiga universiti awam akan disusun semula

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Rabu - Sekurang-kurangnya tiga universiti awam sudah dikenal pasti untuk disusun semula menjadi universiti penyelidikan dengan memberi tumpuan kepada program ijazah lanjutan.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata tiga universiti itu ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurutnya, daripada tiga universiti berkenaan, UM sudah memulakan usaha ke arah menjadi universiti penyelidikan dengan memperbanyakkan pelajar peringkat ijazah lanjutan berbanding ijazah pertama.

"UKM dan USM juga dalam proses untuk berubah menjadi universiti penyelidikan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, hari ini.

Penyusunan semula universiti awam sedia ada menjadi universiti penyelidikan adalah antara rancangan yang disusun untuk dicapai dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, semalam.

Universiti penyelidikan akan mempunyai lebih ramai pelajar ijazah lanjutan berbanding pelajar peringkat ijazah pertama.

Mengenai matlamat supaya sekurang-kurang 35 peratus daripada tenaga buruh negara mempunyai pendidikan tertiar menjelang akhir tempoh RRJP3, Musa berkata, kementerianannya akan berusaha menambah sekali ganda pengambilan pelajar ke universiti dan institusi pendidikan tertiar lain.

Berdasarkan matlamat 40 peratus kumpulan umur 17 hingga 23 tahun mencapai pendidikan tertiar menjelang 2010, katanya, setiap universiti awam seharusnya meningkatkan enrolmen kepada 20,000 pelajar.

"Bagaimanapun, ketika ini tidak semua universiti awam sudah mencapai tahap maksimum ini. Sehubungan itu, kita akan meminta semua universiti berbuat demikian," katanya.

Katanya, di samping rancangan menubuhkan empat universiti teknikal, institusi pendidikan tinggi swasta juga boleh memainkan peranan yang sama untuk membantu kerajaan mencapai matlamat itu.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan bersedia menimbang penubuhan universiti swasta baru, termasuk dari kalangan kolej swasta sedia ada.

"Malah ada di kalangan kolej swasta sedia ada sudah pun menyumbang ke arah ini sungguhpun tidak mendapat taraf universiti, seperti menawarkan kursus berkembar dengan universiti asing.

"Kita berharap mereka dapat berbuat sesuatu bagi meningkatkan bilangan dan mutu kakitangan supaya sesuai dengan jumlah kursus yang ditawarkan, hingga akhirnya berupaya menjadi universiti yang boleh menawarkan kursus dan ijazah sendiri," katanya.

(END)